

Kerajaan serius bangunkan pendidikan Sabah, Labuan

NST 17.1.2014

OLEH JAINUDIN DJIMIN

jainudin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Kerajaan Pusat sentiasa komited dan serius dengan memberikan tumpuan untuk membangunkan sektor pendidikan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Mahamed Hussain berkata kerajaan melalui kementerian akan terus membangunkan sektor pendidikan bagi manfaat rakyat di seluruh negara termasuk Sabah dan Labuan.

Katanya, selaras dengan kepesatan pembangunan negara menuju negara maju pada 2020, Sabah dan Labuan seharusnya tidak ketinggalan menikmati pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan.

Malah, beliau berkata kerajaan akan sentiasa membina dan menaiktaraf pembangunan di Universiti Malaysia Sabah, Kampung Antarabangsa Labuan (UNSKAL) yang menjadi satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Rakyat Labuan sangat bertuah kerana terus menikmati pembangunan yang pesat sejak menjadi Wilayah Persekutuan pada 1984. Kerajaan akan memberi tumpuan untuk memastikan pembangunan pendidikan terus diberi perhatian oleh kerajaan Pusat," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan projek Kompleks Dewan Kuliah Pusat, UNSKAL, kelmarin.

Kompleks yang menelan kos pembinaan kira-kira RM25 juta itu mengandungi dewan kuliah utama yang mampu menampung 500 tempat duduk dan masing-masing 250 kapasiti untuk dewan kuliah 2 dan 3, bilik kuliah, bilik pensyarah dan bilik mesyuarat.

Pada majlis itu, beliau yang mewakili kementerian menandatangani dokumen penyerahan projek tersebut bersama Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan, Ir Asaruddin Jaafar sambil disaksikan Pengarah Cawangan Kerja Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Ir Mamman KT George dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Mahamed turut menyaksikan majlis penyerahan replika kunci projek tersebut daripada Pengarah Urusan Anzah Sdn Ehd, Dato' Alimuddin Mararoang kepada Asaruddin dan kemudiannya menyerahterahkan replika kunci berkenaan kepada Dr Ismail.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS, Kamisah Husin, Timbalan Bendahari Kanan UMS, Zalifah Shadan, Timbalan Pengarah UMS, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar UNSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Mahamed berkata kerajaan prihatin dengan pembangunan pendidikan di negara ini dengan menyediakan peruntukan yang besar tetapi pada masa sama mahu rakyat turut berubah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan

berkemahiran tinggi.

"Kerajaan belanja banyak untuk meningkatkan pembangunan dan kemahiran rakyat tempatan yang cemerlang dan berkualiti.

"Kita mahu melihat lebih ramai anak tempatan bekerja di sektor kewangan luar pesisir dan industri minyak dan gas di Wilayah Persekutuan Labuan dan bukannya bergantung kepada rakyat asing," katanya.

Selain itu, Mahamed mahu warga universiti terutama pelajar dan ahli akademik menggunakan sebaik mungkin kemudahan yang disediakan dengan mengoptimalkan penggunaan utiliti selaras dengan dasar penjimatatan kerajaan ketika ini.

Sementara itu, Dr Ismail berkata dengan adanya kompleks dan dewan kuliah yang besar itu tiada alasan lagi untuk pelajar memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan pada masa akan datang.

Katanya, UMS yang diterajui Nait Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah akan terus memastikan pelajar, pensyarah dan kakitangan sokongan menikmati kemudahan asas termasuk yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

"UMS akan terus menyediakan kemudahan yang diperlukan pelajar, pensyarah dan kakitangan bagi memastikan universiti mampu melahirkan modal insan yang cemerlang dan berkualiti serta berguna kepada agama, bangsa dan negara," katanya.



SIMBOLIK... Alimuddin (kiri) menyerahkan replika kunci kepada Asaruddin sambil diperhatikan dari kanan, Dr Ismail, Mahamed dan Mamman.



SERAH ... Mahamed (dua kanan) menyerahkan replika kunci kepada Dr Ismail sambil diperhatikan dari kiri Alimuddin, Asaruddin dan Mamman.